

Syah Rul Aswari Abdullah
srul@hmetro.commy

Kuantan

"Jangan sesekali berbuat baik untuk mengharap balasan manusia, tetapi berbaktilah untuk mendapat balasan Allah SWT," kata Muhammad Anas Misbahudin, 24, penerima Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi pada majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015, di sini, kelmarin.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) itu membawa pulang motosikal Honda Wave 110 cc, wang tunai RM5,000, trofi dan sijil.

Selain anugerah utama, Muhammad Anas menerima dua lagi anugerah kategori kepimpinan, Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa dan Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik (Terbuka).

Bagi dua anugerah itu, dia membawa pulang wang tunai RM2,500 dan trofi serta sijil.

Muhammad Anas berkata, dia berbangga dengan pengiktirafan itu lebih-lebih lagi dengan kehadiran bapa, Misbahudin Parmin, 53 dan ibu, Hafizah Abd Wahab, 54, pada majlis itu.

"Ini adalah hadiah kepada ibu bapa saya.. saya hanya manusia biasa," katanya ketika ditemui dalam majlis itu di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Gambang.

Anugerah berkenaan disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis sama, penuntut Universiti Sains Malaysia (USM), Siti Zurianah Ismail,



Kejar reda Ilahi

MUHAMMAD Anas (empat dari kanan) bersama anugerah yang diraihnya.

■ Pelajar cemerlang dedah rahsia kejayaan

24, menerima Anugerah Tokoh Sukarelawan Siswa.

Pelajar pengajian pengu- rusan itu turut memenangi Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Terbaik dan membawa pulang wang tunai RM2,500

dan trofi serta sijil.

Anugerah kali ketiga an- juran Kementerian Pendidikan Tinggi itu memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan individu, persatuan

atau kelab di institusi pen- didikan tinggi awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti.

Sementara itu, Idris dalam ucapannya berkata, kualiti pendidikan tinggi di negara

ini berpotensi muncul antara terbaik di dunia dan meng- hasilkan pelajar yang dapat menjadi kebanggaan negara.

Beliau berkata, laporan QS World University Ranking 2015/2016 menunjukkan universiti awam negara ini secara konsisten memperba- iki kedudukan setiap tahun.

"Kita tengok Universiti Malaya (UM) sebagai contoh, berada di tangga ke-146, Universiti Sains Malaysia (USM) tangga ke-289 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pula di tangga ke-331.

"UM juga mencatatkan dua subjek Top 50 iaitu Pen- gajian Pembangunan di tangga ke-30 manakala sub- jek Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pula di tangga ke-37.

"Pengajian Kejuruteraan Kimia ditawarkan USM pula berada di tangga ke-46 dan ini semua berdasarkan pe- nilaian dilakukan QS World University Ranking by Su- bject 2016," katanya.